

Apung harga: 'Lesen' tentukan harga ayam

Oleh FAHMI FAIZ

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sebarang tindakan untuk mengapungkan harga ayam seolah-olah memberi 'lesen' kepada pemain gergasi industri ternakan ayam untuk menentukan harga ternakan tersebut menerusi kawalan terhadap bekalan yang masuk ke pasaran.

Pensyarah kanan, Pusat Penyelidikan Bioteknologi Pertanian (CEBAR), Universiti Malaya (UM), Dr. Nurzatil Sharleeza Mat Jalaluddin berkata, ini kerana mereka mempunyai maklumat tentang jumlah permintaan dan angka itu boleh digunakan untuk menentukan tahap pengeluaran dan harga.

"Saya pernah buat kajian tentang struktur industri ayam dan secara peribadi, saya berpendapat, jika hendak apungkan harga, siapa yang akan mengawal selia apungan tersebut.

"Implikasi apungan harga kepada pengguna amat besar. Contoh mudah, kalau ayam mentah naik harga, harga rendang ayam boleh naik juga. Tapi kalau ayam mentah turun harga, tidak mungkin harga rendang ayam akan turun harga," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.



KERAJAAN perlu membuat kajian lebih teliti sebelum harga ayam diapungkan untuk keadilan semua pihak.

Dr. Nurzatil Sharleeza berkata, berikutan kesannya yang sangat besar kepada pengguna, kerajaan perlu berhati-hati sebelum mengambil langkah mengapungkan harga ayam di pasaran.

Semalam, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi telah mengemukakan tiga cada-

ngan kepada Kabinet Jumaat lalu tentang industri ayam.

Ini termasuk mengapungkan harga ayam selepas harga siling bekalan itu tamat pada 31 Ogos ini, mengekalkan subsidi sedia ada dan ayam dijual pada harga RM9.40 sekilogram (kg) atau mengurangkan subsidi yang perlu ditanggung kerajaan.

Sementara itu, seorang pakar ternakan ayam yang juga Pensya-

rah di Jabatan Sains Haiwan, Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Profesor Datuk Dr. Zulkifli Idrus berkata, langkah mengapungkan harga ayam mentah wajar dipertimbangkan untuk keadilan pengguna dan juga penternak.

Namun, katanya, ia harus dibuat secara teliti menggunakan mekanisme khusus yang mantau dan menyelia harganya secara berkala.